

RINGKASAN EKSEKUTIF

CADANGAN	:	Pembayaran kepada pembekal latihan yang telah melaksanakan program SPPE tahun 2020 sebelum program ditamatkan kerana kekangan baki peruntukan.
TARIKH / TAHUN	:	Tahun 2021
PERUNTUKAN	:	Baki Bajet SPPE sehingga 31 Mei 2021 : RM77,866.81 Kos perkhidmatan pembekal latihan : RM125,150.00 Kurangan : RM47,283.19
BAHAGIAN/ WILAYAH/ SEKSYEN	:	OED/Pejabat Wilayah/PACS
IMPAK KEPADA RAKYAT	:	1. Meningkatkan daya saing dan produktiviti di peringkat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). 2. Melahirkan syarikat contoh yang boleh meningkatkan produktiviti dan daya saing yang tinggi dan dijadikan sebagai Tanda Aras.
JUSTIFIKASI	:	1. Perkhidmatan telah disempurnakan oleh pembekal latihan seperti didalam surat lantikan sehingga tempoh projek ditamatkan. 2. Tuntutan hanya dibuat bagi aktiviti yang dijalankan bagi sesuatu fasa intervensi. 3. Komitmen pembekal latihan yang tinggi untuk menyiapkan projek dan menangani isu komitmen syarikat selepas berlaku situasi pandemik Covid-19.

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN

Pembayaran kepada pembekal latihan yang telah melaksanakan program SPPE tahun 2020 sebelum program ditamatkan kerana kekangan baki peruntukan.

1.0 Tujuan

Kertas kerja ini disediakan untuk mendapatkan pertimbangan Lembaga Pengurusan (BOM) MPC bagi meluluskan pembayaran kepada pembekal latihan yang telah melaksanakan program SPPE tahun 2020 sebelum program ditamatkan kerana kekangan baki peruntukan. Pembayaran disyorkan menggunakan baki sedia ada dan hasil yuran pengurusan Program SPPE tahun 2020.

2.0 Latar belakang

- 2.1 Program SPPE-MPB di bawah RMke-11 telah mendapat penyertaan sebanyak 672 PKS berbanding sasaran penyertaan sebanyak 600 PKS. Sebanyak 628 PKS telah berjaya melaksanakan intervensi manakala 44 PKS dicadangkan untuk meneruskan program pada tahun 2021.
- 2.2 Surat MITI bertarikh 23 Februari 2021 telah meluluskan lanjutan masa dan membelanja baki peruntukan RMke-11 pada tahun 2021 bagi 44 PKS dengan baki berjumlah RM1.2 Juta (data sehingga 30 November 2021).
- 2.3 Baki sebenar sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM309,168.01. Berlaku kawalan perbelanjaan dan perancangan yang tidak efisien daripada Pengurus Program. Baki ini tidak mencukupi bagi melaksanakan 44 projek pada tahun 2021.
- 2.4 Oleh itu, pelaksanaan program ini diteruskan dengan aktiviti intervensi bagi 15 syarikat dan penilaian BE bagi 19 syarikat yang melibatkan kos sebanyak RM231,301.20. Manakala baki 29 syarikat telah ditamatkan program kerana kekangan peruntukan tersebut.
- 2.5 Selepas projek tersebut ditamatkan, terdapat tuntutan daripada pembekal latihan bagi perkhidmatan yang telah dilaksanakan di 18 PKS sebelum program tersebut ditamatkan iaitu sebanyak RM125,150.00.
- 2.6 Kos tersebut merupakan tuntutan daripada pembekal yang telah menjalankan aktiviti intervensi program SPPE tahun 2020 mengikut surat lantikan dan kontrak yang telah dipersetujui sebelum program tersebut ditamatkan. Butiran tuntutan adalah seperti di lampiran A.
- 2.7 Sehingga 31 Mei 2021, baki bajet SPPE RMKe-11 adalah sebanyak RM77,866.81 dan hasil kontra yuran pengurusan sebanyak RM2,619,368.41. Perbezaan antara kos tuntutan pembekal dengan baki sedia ada ialah sebanyak RM47,281.99.

- 2.8 Dicapai perbezaan tersebut ditampung daripada hasil yuran pengurusan SPPE tahun 2020. Sebanyak RM47,281.99 (1.8%) daripada jumlah hasil tersebut diperlukan untuk membayar perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh pembekal latihan.
- 2.9 Perkhidmatan yang telah dilaksanakan merupakan sebahagian daripada aktiviti di dalam fasa intervensi yang berjaya dilaksanakan sebelum program tersebut ditamatkan.

3.0 Justifikasi


- 3.1 Perkhidmatan telah disempurnakan oleh pembekal latihan seperti didalam surat lantikan sehingga tempoh projek ditamatkan.
- 3.2 Tuntutan hanya dibuat bagi aktiviti yang dijalankan bagi sesuatu fasa intervensi.
- 3.3 Komitmen pembekal latihan yang tinggi untuk menyiapkan projek dan menangani isu komitmen syarikat selepas berlaku situasi pandemik Covid-19.

4.0 Langkah Pencegahan Bagi Memastikan Tidak Berlakunya Kurangan Bajet

- 4.1 Pemantauan bajet dengan terperinci oleh Pengurus Program terhadap perancangan dan pelaksanaan program secara berkala.
- 4.2 Pelarasan data bajet antara Pengurus Program dan Unit Kewangan secara berkala.
- 4.3 Pemantauan dan pelarasan data bajet (tanggungan dan perbelanjaan) antara Pengurus Program dan Pegawai Penyelaras di Pejabat Wilayah.
- 4.4 Pengarah perlu memastikan dan memantau pelaksanaan projek mengikut prosedur dan tatacara kewangan MPC.

5.0 Penutup

Lembaga Pengurusan (BOM) MPC adalah dipohon untuk mempertimbangkan permohonan peruntukan sebanyak **RM47,283.19 daripada Yuran Pengurusan SPPE dan RM77,866.81 daripada baki SPPE sedia ada** bagi pembayaran perkhidmatan pembekal latihan.


Disediakan oleh : Muhammad Hafiz Sabarudin
Pengurus PACS
11/6/2021


Disemak oleh : Rosmi Abdullah
Pengarah PACS
24/5/2021

Lampiran A

TUNTUTAN PERKHIDMATAN PEMBEKAL LATIHAN SEBELUM BATAL PROJEK SPPE 1.0

Bil	Pembekal Latihan	Syarikat SPPE	Jumlah Tuntutan
1	Inno Planet Sdn. Bhd.	D Creative Resources	4,400.00
2	Inno Planet Sdn. Bhd.	Zueema Enterprise	3,300.00
3	Kaizen Consult Services	NF Enterprise	6,600.00
4	Kaizen Solution SB	Chin Wui Trading	6,600.00
5	ITS Management SB	Eurojaya Precision SB	9,200.00
6	Progressive Mastery Training & Consultancy	Geen Screw Industries SB	5,500.00
7	Blueskies Network SB	MEMScom Tech SB	1,800.00
8	Blueskies Network SB	Eastern Poly Packaging Industries SB	3,600.00
9	Blueskies Network SB	Guang Heng Industries SB	5,800.00
10	PERDASAMA	Asa Palmilk (M) SB	0.00
11	PERDASAMA	Bis-Pro Freight Services SB	9,700.00
12	PERDASAMA	Heritage One Nur SB	9,700.00
13	PERDASAMA	Jendela Informasi SB	4,650.00
14	PERDASAMA	Pusat Tuisyen Intelek Pintar	12,400.00
15	PERDASAMA	FJ Bizz Resources	9,700.00
16	PERDASAMA	Green Building SB	9,700.00
17	PERDASAMA	Industri Bonda (M) SB	3,100.00
18	PERDASAMA	Restoran Belanga & Katering	9,700.00
19	PERDASAMA	Sweet Azza SB	9,700.00
		Jumlah	125,150.00